



JUMAAT, 18 MEI 2018

CCO 2018/041

## KENYATAAN MEDIA

### PENJELASAN BERHUBUNG STATUS IJAZAH DOKTOR FALSAFAH KEPADA NORULIMAN BIN A RAHMAN (BOY IMAN)

---

KUALA LUMPUR, 18 MEI 2018 – Universiti Malaya (UM) ingin menarik perhatian umum berhubung status Ijazah Doktor Falsafah yang didakwa dianugerahkan oleh pihak UM kepada Encik Noruliman Bin A Rahman sepertimana yang dibangkitkan di laman-laman media sosial.

Pihak Universiti dengan ini menegaskan bahawa kami **tidak pernah** menganugerahkan ijazah Doktor Falsafah kepada Encik Noruliman Bin A Rahman dan sijil yang telah tular di laman-laman sosial adalah **sijil palsu**.

UM tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak sekiranya mereka didapati menggunakan nama dan logo UM tanpa kebenaran dan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk tindakan undang-undang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh:  
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)  
Aras L, Bangunan Canseleri  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Tel: 03-7967 3238 Faks: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my